

Kalut ular tedung masuk asrama, pelajar UniSZA hampir kena patuk

Oleh SHAWKATH AZDE

KUALA TERENGGANU - Hayat seorang pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kampus Tembila di sini ternyata panjang apabila dia terselamat daripada menjadi mangsa patukan ular tedung selar yang memasuki bilik asramanya tiga hari lalu.

Dalam kejadian pukul 10 pagi itu, pelajar lelaki itu difahamkan baru bangun daripada tidur dan terperanjat besar apabila melihat reptilia yang berukuran kira-kira

tiga meter (m) sedang 'menyelinap' masuk melalui pintu biliknya.

Cemas dengan keadaan itu, remaja yang berusia 20-an itu bertindak dengan keluar melalui tingkap di tingkat satu di bangunan empat tingkat asrama itu bagi menyelinap mat diri.

Difahamkan, ular itu dipercayai datang dari kawasan hutan berhampiran.

Ular tedung selar merupakan ular berbisa terbesar di dunia, mampu mencapai panjang sehingga 5.58 m dan boleh mencapai be-

rat hingga 10 kilogram.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) daerah Besut, Lt. Muda Mohd. Suhaimi Awang@Muhammad berkata, ketika tiga anggotanya memasuki bilik berkenaan, ular tedung itu sedang menyorok di bawah sebuah meja kayu belajar berhampiran tingkap.

"Kami mengambil masa kira-kira 15 minit untuk menangkap reptilia itu sebelum membawanya pulang ke pejabat JPAM di Besut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.



DUA anggota JPAM menangkap ular tedung selar yang memasuki bilik asrama seorang mahasiswa UniSZA kampus Tembila, Besut, Kuala Terengganu baru-baru ini.